

## **E-kehakiman: Butir bicara ditranskrip secara elektronik**

KUALA LUMPUR 25 Okt. - Sistem e-kehakiman yang dijangka dilaksanakan pada Mac depan tidak lagi memerlukan hakim menulis seperti kebiasaannya kerana semua butiran perbicaraan akan ditranskrip dan direkod secara elektronik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad berkata, ia akan membolehkan hakim menumpukan sepenuh perhatian bagi melihat gerak reaksi saksi serta pihak yang berkenaan tanpa perlu terganggu dengan tugas menulis.

Katanya, ini kerana menerusi sistem baru itu, terdapat seorang jurutranskrip yang akan menaip secara terus dengan hakim dapat melihatnya di paparan skrin komputer yang ditempatkan di hadapan mereka.

``Di bawah e-kehakiman ini, ia bukan sahaja membantu hakim tetapi juga memudahkan kesemua pihak yang berkenaan di samping dapat mempercepatkan perjalanan kes," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan bagi meninjau perkembangan projek perintis e-kehakiman di Mahkamah Tinggi, di Wisma Denmark di sini hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mahadi Mohd. Ibrahim.

Projek yang dimulakan September tahun lalu itu merangkumi dua skop utama iaitu pembangunan aplikasi Sistem Pengurusan Kes (CMS) dan Sistem Merekod Keterangan Kes (CRT) selain pembekalan infrastruktur sokongan termasuk komputer.

Setakat ini projek yang akan mencapai tempoh matang pada Mac tahun depan itu melibatkan 11 buah mahkamah bagi CMS dan dua mahkamah bagi CRT dengan kesemuanya terletak di Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Keseluruhannya projek tersebut menelan belanja kira-kira RM23 juta sepanjang tempoh pelaksanaannya selama 18 bulan.

Mengenai lawatan itu, Radzi menyatakan beliau berpuas hati dengan perkembangan projek berkenaan yang merupakan projek perintis walaupun mengalami sedikit masalah di awal pelancarannya.

Katanya, masalah yang berlaku itu bagaimanapun hanyalah soal penyesuaian oleh petugas yang memerlukan sedikit masa sebelum dapat mengendalikan sistem tersebut dengan mahir.

“Sehubungan itu kita akan tengok, jika pada akhirnya projek ini berjalan lancar dan mencapai segala objektif maka kita akan mempertimbangkannya bagi memperluaskan ke mahkamah di seluruh negara,” jelasnya.

Radzi berkata, objektif utama pelaksanaan e-kehakiman adalah untuk memudahkan akses kepada perkhidmatan kehakiman, mendalami kefahaman mengenai proses perundangan, mempertingkatkan kesediaan dan kebolehcapaian terhadap maklumat mahkamah.

“Selain itu, projek ini juga dapat mengurangkan kos litigasi kepada rakyat di samping dapat mengurangkan masa penyelesaian kes,” ujarinya.

Katanya, jika projek itu berjaya ia akan menjadikan Malaysia sebagai pendahulu e-kehakiman di rantau ini.